

7 FEB 1996

#### LANGKAH-LANGKAH UNTUK SEKAT DEFISIT AKAUN SEMASA DALAM RMK-7

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan merancang untuk memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menyekat defisit akaun semasa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar.

Defisit akaun semasa tidak sepatutnya melebihi daripada lima peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), katanya sambil menambah bahawa defisit negara bagaimanapun kini pada 7.5 peratus daripada KDNK.

Kerajaan telah menggariskan banyak langkah untuk menyekat defisit akaun semasa, katanya pada persidangan berita selepas berbuka puasa dengan para wartawan di sini malam tadi.

Langkah-langkah lain termasuk perubahan kewangan, dasar percukaian yang baik, dan mengubah pengeluaran perkilangan domestik untuk tujuan-tujuan eksport dan juga mempertingkatkan sektor nilai ditambah, iaitu getah dan koko, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata baru-baru ini bahawa lebih banyak komponen bagi sektor perkilangan patut dikeluarkan di dalam negeri jika perolehan eksport mahu dimaksimumkan.

Dr Mahathir menggesa para pekilang supaya mengeluarkan dalam jumlah yang mencukupi dan mencapai skala ekonomi bagi pasaran tempatan dan juga pasaran seluruh dunia.

Kepada soalan mengenai persaingan sengit di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) Labuan antara bank-bank tempatan dan asing, Affifuddin berkata bank-bank tempatan yang kecil patut bergabung menjadi besar dan besaing setara dengan menawarkan perkhidmatan dan faedah-faedah yang lebih baik.

Bank yang baru ditubuhkan itu boleh memberi persaingan kepada bank-bank gergasi asing, yang menawarkan faedah-faedah yang baik dan menarik kepada para pelanggannya, katanya.

Pada masa ini terdapat 16 bank tempatan yang beroperasi di dalam IOFC itu, dengan kira-kira 40 bank asing.

Bank-bank tempatan patut juga mempelbagaikan aktiviti perniagaan mereka kepada pembuatan, perkhidmatan dan industri perumahan dan tidak semata-mata membataskan diri mereka kepada urusan niaga konvensional, katanya.

"Pemelbagaian bank-bank tempatan akan membolehkan mereka bersaing dengan bank-bank asing.

"Bagaimanapun, kerajaan sedang mencuba mengurangkan campur tangan dan tidak akan banyak mengganggu di pasaran," katanya.

Mengulas mengenai dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang akan diumumkan oleh lembaga bagi tahun lalu, Affifuddin berkata 7.1 juta pencarum KWSP tidak harus marah jika dividen tidak sebanyak lapan peratus seperti dalam tahun 1994.

"Marilah kita menjadi masyarakat yang tidak menuntut hak," sambil menambah bahawa kerajaan akan berkongsi dividen yang lebih baik kerana ia mampu dan apabila masanya "baik" manakala para pencarum patut berkongsi bebanan apabila masa adalah buruk.

Di bawah Akta KWSP, dividen minimum ialah 2.5 peratus, katanya sambil menambah bahawa adalah tidak adil meminta lebih banyak daripada kumpulan wang itu boleh beri kerana ia telah membayar lebih daripada sepatutnya sejak tahun 1960an.

Kadar dividen KWSP meningkat sepanjang beberapa tahun dari 2.5 peratus dalam tahun 1953 kepada 8.5 peratus talam tahun 1980 hingga 1987 tetapi

menurun lapan peratus dari 1988 hingga 1994.

Mengenai kerjaya politiknya, beliau menawarkan diri sebagai anggota Majlis Tertinggi UMNO untuk pemilihan UMNO akan datang yang akan diadakan akhir tahun ini.

Affifuddin berkata beliau akan menawarkan kepakarannya di dalam ekonomi politik bagi faedah para anggota UMNO. -- BERNAMA